

27 APR 1996

Salleh-Pindaan

TIADA HASRAT TARIK BALIK PINDAAN UNDANG-UNDANG SABAH, KATA SALLEH

KOTA KINABALU, 27 April (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sabah tidak berhasrat menarik balik cadangan untuk meminda lima undang-undang negeri yang bertujuan mengurangkan kuasa Ketua Menteri negeri itu, kata Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak hari ini.

Beliau berkata persidangan Dewan Undangan Negeri bagi membahaskan pindaan itu, yang telah ditangguhkan kepada 17 dan 18 Jun, akan diteruskan mengikut jadual.

"BN Sabah peka kepada pendapat anggota komponennya dan memandangkan ada wakil rakyat BN yang telah meminta masa untuk meneliti pindaan itu, maka kita telah menangguhkan persidangan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Pendidikan St Simon di sini.

Persidangan itu sepatutnya diadakan Khamis dan Jumaat lepas.

Salleh, yang juga Pengerusi BN Sabah, berkata beliau mahu semua keraguan berhubung pindaan itu diperjelaskan agar sebarang keputusan mengenainya akan mendapat sokongan anggota Dewan Undangan Negeri BN serta rakyat keseluruhannya.

Lima undang-undang terbabit ialah Akta Enakmen Hutan 1968, Ordinan Tanah (Bab 69), Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963 yang bertujuan memindahkan kuasa Ketua Menteri kepada kabinet negeri.

Salleh berkata beliau juga telah meminta wakil rakyat BN untuk memberi penjelasan mengenai rasional di sebalik pindaan itu kepada rakyat di kawasan masing-masing bagi mengelak ia diputarbelit golongan tertentu.

"Intipati pindaan itu ialah agar Ketua Menteri merujuk beberapa keputusan penting kepada kabinet negeri berhubung soal-soal seperti tanah dan perhutanan," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini, Salleh berkata, beliau hanya memberi penerangan mengenai penangguhan persidangan Dewan Undangan Negeri.

Beliau juga telah membuat temujanji untuk bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjelaskan perkara itu.

Kepada satu soalan, Salleh berkata, keputusan untuk menangguhkan persidangan Dewan Undangan Negeri itu tidak ada kena mengena dengan soal "melambat-lambatkan" pelaksanaan cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri negeri itu.

"Soal penggiliran jawatan ini telah kita serahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan," katanya.

Mengenai kegagalan kontraktor menyiapkan pembinaan bangunan sekolah di Sabah, Salleh berkata Jabatan Pendidikan negeri perlu meneliti butiran sesebuah syarikat sebelum membenarkan mereka melakukan kerja-kerja kontrak.

Jika kontraktor terbabit gagal melaksanakan kerja-kerja mereka, maka tindakan tegas hendaklah dibuat dengan membatalkan kontrak mereka dan melantik kontraktor baru, katanya.

Jabatan Pendidikan negeri baru-baru ini mendedahkan bahawa 60 projek pembinaan sekolah rendah dan menengah bernilai RM200 juta yang diluluskan untuk tempoh Rancangan Malaysia Keenam di Sabah kini terbengkalai ditinggalkan kontraktor.

Salleh berkata beliau telah membincangkan perkara itu dengan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini dan Najib memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan projek itu dapat disiapkan.

Terdahulu dalam ucapannya, Salleh berkata, penglibatan swasta dalam pembangunan pendidikan di negeri ini penting terutama dalam menyediakan pilihan pendidikan yang lebih luas kepada pelajarnya.

"Pembabitan sektor swasta dalam pendidikan juga menunjukkan kemantapan ekonomi kerana ia bermakna lebih ramai rakyat negara ini yang mampu menyara kos pendidikan di pusat pendidikan swasta," katanya.

Bangunan baru Kompleks Pendidikan St Simon di Teluk Likas menyediakan pendidikan pra-persekolahan, sekolah rendah dan menengah. -- Bernama.

JS AHH